

Dr Koh bersedia terajui Gerakan

Timbalan Presiden akan berbincang dengan Dr Lim

Oleh Mohd Anwar Patho Rohman

BUTTERWORTH: Timbalan Presiden Gerakan, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon akan berbincang dengan Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik mengenai masa depan kepemimpinan parti itu selepas Dr Lim mengumumkan akan melepaskan jawatan sebagai presiden Mac tahun depan.

Koh yang juga Ketua Menteri Pulau Pinang berkata, walaupun pengumuman itu menggambarkan kelancaran proses peralihan pucuk pimpinan Gerakan, banyak yang perlu dibincangkan dengan Dr Lim mengenai hala tuju parti.

"Perkara ini (peralihan kuasa) memang sudah dibincangkan dan bukan senang untuk saya mengambil alih jawatan itu daripada Dr Lim yang memimpin Gerakan dengan cemerlang dan gemilang," katanya yang kelihatan terkejut apabila diajukan soalan itu.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas majlis Perhimpunan dan Pelancaran Hari Belia 2006 peringkat Pulau Pinang di Politeknik Seberang Prai di sini, semalam.

Koh diminta mengulas pengumuman Dr Lim semalam yang berhasrat melepaskan jawatan presiden awal

tahun depan bagi membolehkan Koh meneruskan kepemimpinan parti itu.

Ditanya sama ada beliau sudah bersedia untuk menggalas tanggungjawab menerajui Gerakan, Dr Koh berkata: "Di dalam politik, kita kena sentiasa bersedia."

Mengulas mengenai kemenangan Datuk G Palanivel sebagai Timbalan Presiden MIC, Koh berkata, beliau menganggap Palanivel mampu menjalankan tanggungjawab yang diamanahkan.

"Saya kenal Palanivel sejak kami

"Saya akan berjumpa dengan beliau (Dr Lim) tidak lama lagi untuk berbincang mengenai jadual kerja parti, Masih banyak jadual kerja penting dan perlu diuruskan"

bersama-sama aktif dalam Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) pada pertengahan 1970-an," katanya.

Sementara itu pada majlis lain di Georgetown, Dr Koh berkata, program perlindungan saksi wajar diperkenalkan seiring dengan matlamat kerajaan di bawah kepemimpinan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang bertekad membanteras rasuah habis-habisan.

Katanya, tanpa pendekatan yang benar-benar berkesan, orang ramai yang mempunyai maklumat tidak berani tampil kerana khawatir keselamatan mereka terancam.

"Sudah tiba masa untuk perkenalkan program itu dan Gerakan amat menyokong cadangan berkenaan," katanya.

Kelmarin, *Berita Minggu* melaporkan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Nazri Aziz mahu Badan Pencegah Rasuah (BPR) dan Pejabat Peguam Negara berbincang untuk merangka kaedah terbaik bagi mewujudkan program itu.

Jumaat lalu, Datuk Seri Najib Razak, berkata kerajaan sedia menimbang mewujudkan program itu supaya rakyat lebih berani tampil memberi maklumat kepada Badan Pencegah Rasuah (BPR).